

20/09/1997

Mengajak manusia berdamai dengan alam

Maarop Noh

PENARAHAN bukit-bukau dan penebangan hutan yang tidak terkawal memungkinan berlakunya tindak balas alam yang ganas seperti ribut, taufan, panas terik, gersang dan mudah terbakar. Seperti diketahui, Malaysia mempunyai hutan tropika yang luas dan selama ini menjadi penangkis jerebu dan menyedut segala stigma berterbangan di udara.

Bagaimanapun pembangunan pesat menyebabkan hutan ditebang, sementara bukit-bukau yang selama ini menjadi benteng dan tunjang bumi ditarah untuk memberi laluan kepada pembangunan memakmurkan manusia dan membina tamadun.

Tamadun baru mencipta peralihan begitu pantas. Jika dulu jerebu tidak begitu dirasakan, kini peralihan perkampungan kepada perbandaran mengajar manusia menghadapi jerebu. Dulu masyarakat berpuas hati dengan rumah sederhana, bertiang kayu merbau atau tembusu, tetapi kini keadaan berubah. Rumah kini semuanya batu. Kayu yang dulunya menjadi tiang seri rumah hanya menjadi kekasau jantan atau tulang perabung. Ini terjadi kerana proses urbanisasi memindahkan batu yang dulunya penghuni hutan ke bandar untuk mengisi tamadun baru dan pembinaan rumah.

Tetapi, pemodenan tidak berlangsung begitu saja tanpa pengorbanan. Salah satu pengorbanan itu adalah ketidakseimbangan alam sekitar. Jerebu adalah fenomena ketidakseimbangan itu. Asap daripada pembakaran hutan, kenderaan, kilang industri, pembakaran sampah tidak terkawal dan sebagainya mengapung di udara, menyebabkan ampai terapung menjadi lembab dan memberat sehingga menyebabkan kabus yang biasanya mudah hilang mendap ke bawah.

Pakar pengurusan dan pengawalan pencemaran udara Universiti Putra Malaysia Dr Azman Zainal Abidin pernah membuat kajian terhadap jerebu pada 1991 dan 1994. Menurutnya, ketika itu faktor meningkatnya projek pembinaan, kilang dan kenderaan menyumbang kepada kepadatan jerebu.

Indeks Pencemaran Udara (API) mencatatkan bagi kawasan Lembah Klang adalah paling tercemar, terutama di daerah Gombak yang pernah mencatatkan bacaan 344, sementara Kuala Lumpur 302. Sementara di Sarawak, sekolah terpaksa ditutup kerana API mencatatkan paras jerebu lebih 400 di peras terlalu bahaya. Keadaan ini disebabkan Banjaran Titiwangsa yang mengelilingi Lembah Klang yang menjadi perisai jerangkap jerebu utama seperti sudah tidak bermaya menangkis tekanan jerebu. Keadaan tidak bermusim salah satu penyumbang kepada keadaan yang sukar diramalkan. Misalnya jerebu berlaku pada luar musim intra-monsun. Musim ini biasanya berlaku pada April-Mei dan Oktober-November.

Jerebu berlaku apabila tekanan udara tinggi di ruang angkasa menyebabkan udara statik dan debu terampai bergabung dengan unsur lain dalam udara. Jerebu berada pada ketinggian radio-sound 1.5 kilometer. Ia mempengaruhi awan dan melepaskan gas terampai seperti ozon, karbon monoksida dan nitrogen dioksida. Sudah tentu segala bahan terampai ini menjejaskan kesihatan apabila kandungan debunya mencapai 200 mikrogram per meter padu. Kerana itulah apabila jerebu kian menebal seseorang akan sukar bernafas.

Apabila rumah batu mengisi kekosongan hutan, pokok kayu yang selama ini meredup dan menghidu bumi dipinggirkan. Dengan itu berlakulah ketidakseimbangan pembangunan. Ini dapat kita lihat dalam hampir semua projek perumahan yang kelihatan gondol dan hanya diwarnai atap pelbagai warna.

Pihak pemaju perumahan biasanya, tidak pernah memikirkan walau sedikitpun ruang untuk pokok tumpang bernafas, sedangkan pokok menjadi rakan karib kehidupan. Pemaju dan pereka taman perumahan memaksa manusia

dan hidupan lain menerima dan hidup dalam hutan batu yang walaupun kukuh, tetapi bersifat ganas.

Keganasan hutan batu, penggondolan bukit-bakau dan pemusnahan itu menyebabkan jerebu yang serius sejak akhir 1980-an dan paling buruk pada 1991 dan 1994. Tetapi kenapa tidak ada pihak yang menginsafi musibah itu? Kenapa tidak ada pelan jangka panjang dan peraturan tegas menangani jerebu?

Jika semua pembangunan diimbangi kehijauan pokok mungkin keadaan jerebu tidak seberat sekarang. Taman perumahan yang diimbangi pokok kayu sentiasa mempunyai udara bersih, nyaman dan menyenangkan. Pokok kayu menstabilkan ekologi dan habitat haiwan; pengkomposan dedaun, pensejatan dan penakungan air dan sebagainya.

Menyedari hakikat pokok kayu yang menjadi elemen utama pengukuhan sistem ekologi dan kesejahteraan alam sekitar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Persidangan Bio-Diversiti di Rio de Janeiro pada 1992, mengajak hampir 112 negara yang menghadiri persidangan itu memelihara alam sekitar dengan membaik pulih hutan negara masing-masing. Perdana Menteri juga menyarankan dibina kota dalam taman dengan diwujudkan keseimbangan antara hutan batu dan hutan pepohonan yang menyamakan. Tetapi saranan Perdana Menteri itu seperti tidak diindahkan. Ini terbukti apabila pada tahun lalu Perdana Menteri menempelak pihak tertentu di Selangor yang menggondolkan hutan berleluasa.

Kita bimbang jika kita tidak mengadakan muafakat dengan alam sekitar, kita akan menjadi mangsa tindak balas alam itu sendiri. Apabila berlaku musibah seperti ini kita akan menyalahkan orang lain. Paling malang ada yang mungkin menyalahkan Tuhan. Tetapi Allah sudah memberi peringatan: "Apabila manusia dilanda sesuatu bahaya, mereka menyeru nama Tuhannya dengan kembali bertaubat kepadanya-Nya, kemudian apabila Tuhan merasakan kepada mereka sedikit rahmat daripada-Nya, tiba-tiba sebahagian daripada mereka menyengutkan Allah." - (Q: Rum, ayat 33).

Dalam ayat lain Allah berfirman, mafhumnya: "Tunggulah hari ketika langit membawa kabut, yang nyata, meliputi manusia, inilah azab yang pedih." - (al-Quran, surah ad-Dukhan, ayat 10-11). Walaupun asbabun nuzul ayat ini berpunca daripada kezaliman berlebihan kaum Musyrikin Makkah terhadap Nabi Muhammad, sehingga Nabi berdoa kepada Allah menurunkan azab, seperti yang pernah diturunkan kepada Nabi Yusuf, tetapi ia masih relevan untuk direnungi sekarang.

Jerebu adalah antara petanda bala yang diturunkan untuk mengingatkan manusia supaya tidak terlalu menurut hawa nafsu. Kerakusan pembangunan menyebabkan kita melupakan keperluan menjaga alam dan pepohonannya. Pada hal pepohonan itu sendiri mempunyai fungsi yang sudah ditetapkan. Al-Quran menyebut pokok mempunyai pelbagai fungsi. Antaranya ada yang menjadi bahan bakar untuk mengeluarkan api (Yaasin, ayat 80, al-Waqiah 71 dan 72:); mengindahkan taman, tempat haiwan berteduh dan membuat sarang, (An-Nahli ayat, 10, dan Ayat 68); larangan (al-Waqiah, 52, as-Saaffat, 62, 64 dan 146, ad-Dukhan 43 dan 44). Selain itu pokok juga menjadi lambang perkataan yang baik dan buruk (Ibrahim, 24 dan 26); memberi manfaat dan berkat (al-Mukminun 20; an-Nur 35); ujian kepada Nabi Adam (manusia) (Al-Baqarah, 35) perjanjian yang diredai (al-Fath 18). Bagaimanapun paling penting dihayati ialah pohon kayu terlarang yang menyebabkan Nabi Adam dan isterinya Hawa tersingkir dari Syurga dan dihantar ke dunia untuk memulakan tamadun manusiawi. (Lihat, al-Baqarah, 35: al-Akraf, 19, 20 dan 22, Taaha, 120); pokok terlarang (as-Saaffat, 62, 64: dan 146, ad-Dukhan 43 dan 44) dan banyak lagi ayat al-Quran mengajak manusia mengambil iktibar dari pohon kayu.

Barangkali ramai yang tidak menyedari pokok kayu juga mendengar azam. Ini dijelaskan oleh hadis yang diriwayatkan Ibnu Majah, maksudnya:

"Berkata Abu Said al-Khudri berkata kepada salah seorang sahabat, jika kamu berada di lembah, tinggikan suara ketika azan, kerana sesungguhnya aku mendengar Rasulullah bersabda; tiada akan mendengar jin dan manusia, semua pokok kayu dan batu melainkan menjadi saksi atas apa yang kamu ucapkan." (Riwayat Ibnu Majah).

Kesimpulannya pokok kayu mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan. Ia boleh memberi keindahan dan bermanfaat kepada manusia. Kerana itu untuk menjamin kehidupan sejahtera yang bersih daripada jerebu dan hura-hara haba, setiap rancangan pembangunan hendaklah mengambil kira keseimbangan antara pohon hijau dan batu. Manusia perlu berdamai dengan alam.

(END)